

# Anwar beri bayangan PRN enam negeri diadakan Ogos

**Nilai:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan berlangsung di enam negeri dijangka diadakan sekitar Ogos depan.

Bercakap pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama masyarakat India di sini semalam, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH), berkata PRN sele-

wat-lewatnya akan diadakan pada bulan berkenaan.

“Saya minta kerjasama kawan-kawan semua, bagi sokongan kerana negeri ini akan ada pilihan raya (pada) Ogos. Mesti ada pilihan raya selewat-lewatnya Ogos, mesti pilihan raya,” katanya.

Justeru, beliau menyeru pengundi khususnya di Negeri Sembilan untuk terus memberi

mandat kepada PH dan Kerajaan Perpaduan untuk mentadbir dan menerajui negeri berkenaan pada PRN kelak.

“Jadi, ini negeri (Negeri Sembilan), semua kaum ada. Ini negeri Melayu, India, Cina. Kalau orang datang bawa kempen seolah-olah ini negeri India saja punya ka, Melayu saja punya ka, dia salah.

“Kita kena jaga negeri ini

supaya boleh jaga semua kaum. (Setiausaha Agung DAP), Anthony Loke kata ada orang tunggu (mahu ambil alih kerajaan negeri), dia boleh tunggu.

“Tapi kalau mahu selamat ini negeri, mahu jaga ini negeri, mahu semua kaum kita jaga, kamu (rakyat) mesti jaga PH dan Kerajaan Perpaduan,” katanya.

Anwar berkata, Negeri Sem-

bilan perlu kekal di bawah terajua Kerajaan Perpaduan bagi membolehkan lebih banyak manfaat bantuan serta pembangunan diraih penduduk negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun sebelum ini memaklumkan, Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dibubarkan pada 30 Jun ini bagi memberi laluan kepada PRN.